

PUSAT PEMROSESAN, PEMBINAAN STRUKTUR BAHAN PETROKIMIA DISERBU

225 pendatang asing ditahan

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Seramai 225 pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan dalam serbuan di pusat pemrosesan dan pembinaan struktur bahan petrokimia di Pasir Gudang di sini, Selasa lalu.

Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Johor, Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus berkata, operasi dilakukan hasil risikan mengenai lambakan warga asing dipercayai bekerja tanpa permit atau pas yang sah di lokasi terbabit.

Menurutnya, pihaknya memeriksa 664 individu terdiri daripada warga tempatan dan warga asing dalam Op Mahir itu.

"Dalam serbuan itu, 133 warga China, Bangladesh (84) dan masing-masing dua orang dari Indonesia, Pakistan dan Nepal ditahan untuk siasatan lanjut.

"Mereka yang ditahan berusia antara 21 hingga 63 tahun dengan kesemuanya dipercayai sudah bekerja di tapak terbabit sejak dua hingga tiga bulan lalu.



"Turut ditahan ialah seorang lelaki dan seorang wanita tempatan yang juga dua pegawai di tapak projek berkenaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, siasatan ke atas PATI berkenaan dibuat mengikut Seksyen 6(1)(c) dan Seksyen 15(1)(c) selain Peraturan 11(7)(a) serta Peraturan 39(b) Peraturan-peraturan Imigresen 1963.

Katanya, dua warga tempatan pula disiasat di bawah Seksyen 56(1)(d) Akta Imigresen 1959/63.

"Semua tahanan ditempatkan di Depot Imigresen Pekan Nenas untuk tindakan lanjut," katanya.

ANGGOTA JIM Johor memantau pendatang asing tanpa izin yang ditahan di Pasir Gudang, Selasa lalu. Gambar kecil, warga China antara yang paling ramai ditahan.